



DASAR DAN ETIKA PENYELIDIKAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1.0 DEFINISI

Dalam Dasar dan Etika Penyelidikan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- 1.1 “Kod Etika Manusia”, ertinya kod etika penyelidikan melibatkan manusia yang diterimapakai oleh Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari masa ke semasa;
- 1.2 “Kod Etika Haiwan”, ertinya kod etika penyelidikan melibatkan haiwan yang diterimapakai oleh Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari masa ke semasa;
- 1.3 “Kod Amalan Terbaik Penyelidikan” ertinya kod amalan terbaik penyelidikan yang diterimapakai oleh Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari masa ke semasa;
- 1.4 “Dasar Harta Intelek” ertinya dasar harta intelek Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari masa ke semasa;
- 1.5 “Dana penyelidikan” ertinya sumber kewangan bagi melaksanakan sesuatu penyelidikan sama ada sumber daripada kerajaan Malaysia atau mana-mana sumber yang lain;
- 1.6 “Peraturan Kewangan Universiti” ertinya peraturan berkaitan kewangan yang diterimapakai oleh Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari masa ke semasa;
- 1.7 “Ketua Jabatan” ertinya pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor dan bertanggungjawab bagi sesuatu pusat tanggungjawab termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Naib Canselor untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa;
- 1.8 “Aset penyelidikan” ertinya apa-apa aset yang diperolehi atau dibeli menggunakan dana penyelidikan atau disumbangkan bagi tujuan penyelidikan;
- 1.9 “Ahli akademik” ertinya seseorang yang dilantik menjadi pengajar atau penyelidik oleh Lembaga Gabenor Universiti mengikut Perlembagaan Universiti, dan termasuklah profesor, profesor madya, fellow penyelidikan, fellow, penolong profesor, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan tutor;
- 1.10 “Penyelidik” ertinya mana-mana ahli akademik, pekerja dan pelajar Universiti yang menjalankan penyelidikan;

- 1.11 “Pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti atau mana-mana statut;
- 1.12 “Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di institusi bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, pascaijazah atau pasca kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau daripada Universiti dan termasuk pelajar pengajian jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah; dan
- 1.13 “Universiti” ertinya Universiti Sains Malaysia.

2.0 PRINSIP UTAMA PENYELIDIKAN

- 2.1 Semua penyelidikan yang dijalankan di Universiti hendaklah menjurus ke arah pencapaian visi dan misi universiti.
- 2.2 Semua ahli akademik perlu menjalankan penyelidikan dan melibatsama dalam kajian ilmiah serta menerbitkan hasil dapatan mereka.
- 2.3 Semua ahli akademik perlu memperoleh dana penyelidikan untuk menampung penyelidikan mereka.
- 2.4 Penyelidikan merupakan keperluan pencapaian kerjaya ahli akademik dan keperluan ini perlu diseimbangkan dengan tanggungjawab menjalankan tugas pengajaran dan pentadbiran.
- 2.5 Semua penyelidikan yang dijalankan di Universiti sebaik-baiknya, hendaklah melibatkan pelajar.
- 2.6 Penyelidikan yang dijalankan di Universiti ini hendaklah menghormati nilai dan maruah (*dignity*) kemanusiaan serta tindakan berperikemanusiaan ke atas haiwan.
- 2.7 Penyelidikan yang dijalankan di Universiti hendaklah menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.
- 2.8 Semua hasil penyelidikan perlulah dimanfaatkan dan disebarikan untuk percambahan ilmu dan pengkomersialan.

3.0 DASAR PENYELIDIKAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

3.1 ETIKA PENYELIDIKAN

- 3.1.1 Semua penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik dan pelajar termasuk projek penyelidikan yang dijadikan sebagai sebahagian daripada program pengajaran hendaklah pada tahap etika yang tinggi berpandukan Kod Etika Manusia dan/atau Kod Etika Haiwan dan Kod Amalan Terbaik Penyelidikan Universiti.

- 3.1.2 Ahli akademik hendaklah menjalankan penyelidikan mereka bersesuaian dengan obligasi, statutori, kontrak dan etika.
- 3.1.3 Penggunaan sebarang sumber penyelidikan hendaklah tidak melibatkan sebarang kepentingan peribadi berpandukan peraturan dan undang-undang sedia ada.

3.2 PENERBITAN DAN HARTA INTELEK

- 3.2.1 Sebagai sebuah Universiti awam, semua hasil dapatan kajian akan diterbitkan dalam bentuk yang dapat diakses oleh masyarakat umum. Namun begitu, penerbitan secara terbatas atau tertanggung boleh dilakukan atas pertimbangan-pertimbangan yang bersesuaian seperti pematuhan kepada kontrak, kerahsiaan dan perlindungan harta intelek.
- 3.2.2 Pertimbangan ini akan mengambil kira keperluan untuk mematuhi sebarang obligasi privasi, kerahsiaan atau kontraktual yang diikat berkaitan dengan penyelidikan tersebut atau keperluan untuk memastikan bahawa harta intelek yang wujud daripada penyelidikan tersebut perlu dilindungi.
- 3.2.3 Semua pekerja hendaklah mematuhi Dasar Harta Intelek Universiti.
- 3.2.4 Semua penerbitan yang dihasilkan daripada geran penyelidikan hendaklah merakamkan penghargaan kepada pembiaya geran.
- 3.2.5 Semua penerbitan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik Universiti atau yang menggunakan sumber-sumber daripada Universiti mestilah menyatakan afiliasi kepada Universiti.
- 3.2.6 Penerbitan hasil daripada penyelidikan hendaklah diterbitkan oleh pihak penerbit yang diiktiraf oleh Universiti.
- 3.2.7 Penerbitan hendaklah mengutamakan Penerbit USM dan penerbit dalam negara dalam usaha memartabatkan penerbitan akademik negara.
- 3.2.8 *Open access* adalah digalakkan tanpa menjejaskan kualiti dan kelestarian kewangan.

3.3 SUMBER PENYELIDIKAN

- 3.3.1 Penyelidikan yang melibatkan peruntukan dana kerajaan Malaysia adalah tertakluk kepada **Peraturan Kewangan Universiti**. Bagi penyelidikan sumber dana luar (bukan kerajaan), ia masih tertakluk kepada **Peraturan Kewangan Universiti** melainkan terdapatnya persetujuan bertulis di antara Universiti dan pihak pembiaya.

- 3.3.2 Kelulusan penggunaan dana penyelidikan hendaklah mengikut **Peraturan Kewangan Universiti** atau kelulusan pembiayaan.
- 3.3.3 Semua aset penyelidikan termasuk peralatan, perisian dan pangkalan data yang diperoleh serta baki peruntukan sesuatu penyelidikan adalah menjadi hakmilik Universiti apabila tamat sesuatu projek penyelidikan, kecuali hak milik tersebut dituntut oleh pembiayaan geran mengikut perjanjian yang ditandatangani.
- 3.3.4 Segala kos penyelenggaraan peralatan dan infrastruktur yang dibiayai oleh dana penyelidikan perlu ditanggung sepenuhnya oleh penyelidikan tersebut.
- 3.3.5 Sekiranya mana-mana penyelidikan (geran/makmal/pusat penyelidikan) memerlukan penjawatan sumber manusia, ia perlu mendapat persetujuan dan kelulusan pihak Universiti.
- 3.3.6 Semua geran penyelidikan mestilah didaftarkan dengan Universiti.
- 3.3.7 Penggunaan sebarang sumber penyelidikan hendaklah secara efisien dan pada tahap yang optimum.
- 3.3.8 Universiti berhak untuk menolak pembiayaan penyelidikan daripada sumber-sumber yang diragui oleh Universiti.
- 3.3.9 Sekiranya Penyelidikan melibatkan pertukaran atau perkongsian sesuatu bahan atau projek penyelidikan, maka Universiti hendaklah menandatangani perjanjian *Material Transfer Agreement (MTA)*.

3.4 KOLABORASI PENYELIDIKAN

- 3.4.1 Universiti menggalakkan kolaborasi penyelidikan antara bidang, jabatan, agensi, industri, institusi dan kerajaan dari dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Universiti.
- 3.4.2 Semua penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan kolaborasi hendaklah prihatin dan mematuhi semua dasar dan perjanjian bertulis yang melibatkan penyelidikan tersebut.
- 3.4.3 Semua yang terlibat dalam penyelidikan kolaborasi hendaklah memberi sumbangan yang bermakna.
- 3.4.4 Hak semua penyelidik dalam projek penyelidikan kolaborasi adalah terjamin.

3.5 BAKAT

- 3.5.1 Penyelidik diberi autonomi penuh bagi menguruskan projek penyelidikan masing-masing termasuk aspek kewangan dengan syarat semua **Peraturan Kewangan Universiti** dipatuhi.
- 3.5.2 Semua penyelidik terlibat dalam sesuatu projek penyelidikan terhadap kepada mereka yang memberi sumbangan yang bermakna dalam projek penyelidikan.
- 3.5.3 Ketua Jabatan dan pekerja yang dilantik memainkan peranan penting dalam membangunkan bakat penyelidikan dengan mengambil kira latihan penyelidikan dan peluang untuk memperkembangkan penyelidikan.
- 3.5.4 Pekerja yang terlibat dalam penyelidikan bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan sama ada secara individu atau kumpulan dalam bidang penyelidikan yang dipilih.
- 3.5.5 Bakat penyelidikan Universiti merangkumi pelajar dan pekerja Universiti.

ooo